



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH
KOMUNITI MAMPAN 2018 - 2019

02 APRIL 2018 (ISNIN)

2.30 PETANG

**AUDITORIUM MPSP
MENARA MPSP, BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li

Pengurus Besar Wilayah

Amphenol TCS, Bukit Mertajam

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Wakil-Wakil Komuniti Yang Mengambil Bahagian

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2018 - 2019.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada YBhg. Dato' Lee Teong Li, Pengurus Besar Wilayah, Amphenol TCS (Malaysia), Bukit Mertajam di atas kesudian menjadi penaja Program Anugerah Komuniti Mampan 2018 – 2019. Ini merupakan kali kedua Amphenol TCS menaja program ini.

Sebagai makluman, Amphenol TCS amat prihatin terhadap alam sekitar. Syarikat ini bukan sahaja menganjur anugerah ini, tetapi juga menjadikan Sungai Junjung Mati sebagai anak angkat bagi rawatan air sungai. Pekerja-pekerja Amphenol dan pelajar SMK Taman Perwira bekerjasama menghasilkan bebola tanah bagi rawatan air sungai. Selain daripada itu, Amphenol TCS bukan sahaja menyumbang tenaga bagi khidmat komuniti bahkan juga mengamalkan pengasingan sisa organik kantin bagi pengkomposan dan juga tidak menggunakan straw di kantin.

Ini merupakan satu teladan yang baik bagi industri yang lain. Saya berharap kerjasama dan penajaan ini akan berterusan untuk tahun hadapan dan seterusnya. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Untuk makluman para hadirin sekalian, Anugerah Komuniti Mampan ini bermula dari tahun 2013. Objektif anugerah ini diadakan adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai dan penambahbaikan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam penjagaan alam sekitar dan kemampanan komuniti. Prinsip LA 21 adalah untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Penyertaan komuniti dalam Program Anugerah Komuniti Mampan adalah amat menggalakkan kerana didapati ada peningkatan dari tahun ke tahun. Dari 12 penyertaan pada tahun 2013, bilangan komuniti yang

menyertai anugerah ini telah bertambah kepada 21 pada tahun 2016 – 2017. Untuk Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2018-2019, pendaftaran penyertaan dibuka sehingga 31 Mac 2019. Penyertaan adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk (PP) yang berdaftar, Rukun Tetangga (RT), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), *Joint Management Body* (JMB), *Management Corporation* (MC) dan Pusat Sumber Alam Sekitar di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah:-

- i. Kitar Semula
- ii. Pengasingan Sisa di Punca
- iii. Kompos Sisa Organik
- iv. Membuat jus buah-buahan tertapai
- v. Penanaman pokok,
- vi. Pengindahan
- vii. Kebersihan taman
- viii. Kebun Kejiranan
- ix. Kempen kesedaran alam sekitar dan program sosial
- x. Gotong-royong.
- xi. Program pengurangan jejak karbon
- xii. Promosi 8R (*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle*)

Jangka masa pertandingan adalah dua (2) tahun iaitu 2018 hingga 2019 dan penyampaian hadiah akan diadakan pada akhir tahun 2019. Hadiah yang disediakan bagi pemenang Anugerah Komuniti Mampan wang tunai dan sijil:-

Johan	: RM3,000.00
Naib Johan	: RM2,500.00
Ketiga	: RM2,000.00
Inovasi Khas	: RM 700.00
Saguhati	: RM500.00 (11 hadiah)

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Seberang Perai telah berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 43.25% pada tahun 2017. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai.

Berdasarkan pencapaian tersebut, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurang daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2008 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017.

PENGHASILAN SAMPAH PERKAPITA

<u>TAHUN</u>	<u>kg/orang/hari</u>
2008	1.6
2015	1.3
2016	1.17
2017	1.09

Kadar sampah perkapita didapati berkurangan adalah hasil dari Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dikuatkuasakan sejak 1 Jun 2016. Selain itu, ianya juga berpunca dari kesedaran komuniti dan masyarakat setempat yang mengamalkan amalan kitar semula di mana penghuni premis yang memilih untuk:-

- Menjual sendiri barang kitar semula mereka.
- Menghantar barang kitar semula ke pusat pengumpulan komuniti.
- Menyerahkan barang kitar semula kepada pihak ketiga (scavengers) secara sukarela.
- Barangan kitar semula dikutip oleh pihak ketiga (scavengers) sebelum MPSP membuat kutipan.

Justeru, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai penghasilan sampah perkapita pada tahap 0.8kg/orang/hari menjelang tahun 2022. Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini. Saya berkeyakinan sasaran ini boleh dicapai kerana penduduk Seberang Perai telah maju daripada pemikiran dan penjagaan alam sekitar. Sehingga kini, 152 sekolah hijau telah bersama MPSP, 21 komuniti mampan, 69 pusat sumber alam sekitar, 6 kilang, 31 NGOs, USM dan UKM serta sektor swasta iaitu Auto City. MPSP telah bekerjasama dengan sektor swasta bagi memasarkan barangan upcycle iaitu pada setiap Sabtu minggu pertama Karnival Upcycle di Autocity, Juru, pada Ahad minggu ke dua Growth Market di Autocity, Juru dan Karnival 8R

bersama JCI Batu Kawan di Pasar Awam Kota Permai setiap hari Ahad minggu terakhir setiap bulan.

Di antara langkah-langkah perancangan MPSP bagi mencapai sasaran ini adalah memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model* 8R. Intipati kepada MPSP *Smart Consumption Model* 8R ialah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan adalah:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth).* Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan.
2. *Refuse (Don't consume what you don't need to).* Tidak membeli apa-apa yang tidak diperlukan.

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials).*
Kurangkan beratan sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah.

4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects).*
Memulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa dengan mengamalkan penggunaan semula barangan seperti *reusable bag* (bag plastik) ketika membeli-belah.

5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away).* Barang-barangan yang rosak tidak dibuang tetapi dibaiki dan digunakan semula.

6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company).* Barangan yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.

7. *Recover (Energy and materials recovery).* Rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga.

8. *Recycle (Close the loop and remake)*. Cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni *upcycle*, barangan terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan.

Saya menyeru para hadirin sekalian dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua rakyat Seberang Perai untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Marilah kita menjadi *environmental game changer* ke arah mencapai Seberang Perai Rendah Karbon pada tahun 2022 dan juga merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*".

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu

“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan ” atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”**.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada Amphenol TCS atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini. Kepada komuniti-komuniti yang mengambil bahagian dalam Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2018 / 2019, saya mengharapkan kesungguhan dan mendoakan kejayaan.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2018 - 2019.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.